

Volume IV
No. 35



Friday
21st December, 1962

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

LATER RESUMPTION (Motion) [Col. 3663]

MOTION:

The Development Estimates, 1963—

Committee—

Heads 105-113 [Col. 3664]

Head 114 [Col. 3691]

Head 118 [Col. 3698]

Head 120 [Cols. 3699, 3738]

Head 121 [Col. 3700]

FEDERATION OF MALAYA
DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Fourth Session of the First Dewan Ra'ayat

Friday, 21st December, 1962

The House met at half-past nine o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister of Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Internal Security and Minister of the Interior, DATO' DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johor Timor).
- „ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka Tengah).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
- „ the Minister of Health, ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB (Kuantan).
- „ the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ the Minister of Education, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Minister without Portfolio, ENCHE' ABDUL AZIZ BIN ISHAK (Kuala Langat).
- „ the Assistant Minister of the Interior, ENCHE' CHEAH THEAM SWEE (Bukit Bintang).
- „ the Assistant Minister of Labour and Social Welfare, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Assistant Minister of Commerce and Industry, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ the Assistant Minister of Information and Broadcasting, ENCHE' MOHAMED ISMAIL BIN MOHAMED YUSOF (Jerai).
- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN, P.J.K. (Krian Laut).
- „ ENCHE' ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Sungei Patani).
- „ TOH MUDA HAJI ABDULLAH BIN HAJI ABDUL RAOF (Kuala Kangsar).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.I.S. (Segamat Utara).

The Honourable TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kota Bharu Hilir).

- „ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ ENCHE' AHMAD BOESTAMAM (Setapak).
- „ ENCHE' AHMAD BIN MOHAMED SHAH, S.M.J.
(Johore Bahru Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID (Seberang Utara).
- „ ENCHE' AHMAD BIN HAJI YUSOF, P.J.K. (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI AZAHARI BIN HAJI IBRAHIM (Kubang Pasu Barat).
- „ ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ DR BURHANUDDIN BIN MOHD. NOOR (Besut).
- „ ENCHE' CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- „ ENCHE' CHAN YOON ONN (Kampar).
- „ ENCHE' CHIN SEE YIN (Seremban Timor).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.
(Jitra-Padang Terap).
- „ ENCHE' GEH CHONG KEAT (Penang Utara).
- „ ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N. (Kulim Utara).
- „ ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).
- „ ENCHE' HARUN BIN PILUS (Trengganu Tengah).
- „ TUAN HAJI HASAN ADLI BIN HAJI ARSHAD
(Kuala Trengganu Utara).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ ENCHE' HASSAN BIN MANSOR (Melaka Selatan).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN (Raub).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN
(Kota Bharu Hulu).
- „ ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- „ ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- „ ENCHE' ISMAIL BIN HAJI KASSIM (Kuala Trengganu Selatan).
- „ ENCHE' KANG KOCK SENG (Batu Pahat).
- „ ENCHE' K. KARAM SINGH (Damansara).
- „ CHE' KHADIJAH BINTI MOHD. SIDEK (Dungun).
- „ ENCHE' LEE SAN CHOON (Kluang Utara).
- „ ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- „ ENCHE' LIM JOO KONG, J.P. (Alor Star).
- „ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- „ ENCHE' LIU YOONG PENG (Rawang).
- „ ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- „ ENCHE' MOHAMED BIN UJANG (Jelevu-Jempol).
- „ ENCHE' MOHAMED ABBAS BIN AHMAD (Hilir Perak).
- „ ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA (Pasir Puteh).

The Honourable ENCHE' MOHAMED NOR BIN MOHD. DAHAN (Ulu Perak).

- „ DATO' MOHAMED HANIFAH BIN HAJI ABDUL GHANI, P.J.K. (Pasir Mas Hulu).
- „ ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ NIK MAN BIN NIK MOHAMED (Pasir Mas Hilir).
- „ ENCHE' NG ANN TECK (Batu).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH (Tanah Merah).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID (Rembau-Tampin).
- „ ENCHE' SEAH TENG NGIAB (Muar Pantai).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN SYED HASHIM BIN SYED AJAM, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- „ ENCHE' TAN PHOCK KIN (Tanjong).
- „ ENCHE' TAN TYE CHEK (Kulim-Bandar Bahru).
- „ DATO' TEOH CHZE CHONG, D.P.M.J., J.P. (Segamat Selatan).
- „ ENCHE' TOO JOON HING (Teluk Anson).
- „ ENCHE' V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Kota Star Selatan).
- „ WAN YAHYA BIN HAJI WAN MOHAMED (Kemaman).
- „ ENCHE' YAHYA BIN HAJI AHMAD (Bagan Datoh).
- „ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
- „ ENCHE' YONG WOO MING (Sitiawan).
- „ PUAN HAJJAH ZAIN BINTI SULAIMAN, J.M.N., P.I.S. (Pontian Selatan).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB (Langat).
- „ ENCHE' ZULKIFLEE BIN MUHAMMAD (Bachok).

ABSENT:

The Honourable Mr Speaker, DATO' HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR, S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P.

- „ the Prime Minister, Minister of External Affairs and Minister of Information and Broadcasting, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ the Minister without Portfolio, DATO' SULEIMAN BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Muar Selatan).
- „ the Minister of Transport, DATO' HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ the Minister without Portfolio, DATO' ONG YOKE LIN, P.M.N. (Ulu Selangor).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE' MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).

- The Honourable the Minister of Labour and Social Welfare,
 ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
 .. ENCHE' CHAN SWEE HO (Ulu Kinta).
 .. ENCHE' V. DAVID (Bungsar).
 .. ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N. (Kapar).
 .. ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).
 .. ENCHE' KHONG KOK YAT (Batu Gajah).
 .. ENCHE' LEE SIOK YEW, A.M.N. (Sepang).
 .. ENCHE' MOHAMED DAHARI BIN HAJI MOHD. ALI
 (Kuala Selangor).
 .. TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
 .. ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Barat).
 .. ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
 .. ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).
 .. TUAN SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, J.M.N.
 (Johor Tenggara).
 .. ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
 .. TENGKU BESAR INDRA RAJA IBNI SULTAN IBRAHIM,
 D.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
 .. WAN MUSTAPHA BIN HAJI ALI (Kelantan Hilir).

PRAYERS

House resolved itself into Committee.

LATER RESUMPTION

(Mr Deputy Speaker *in the Chair*)

(Mr Deputy Speaker *in the Chair*)

Heads 105-113—

(Motion)

The Assistant Minister of the Interior (Enche' Cheah Theam Swee): Mr Speaker, Sir, I beg to move—

That the House at its rising this day shall resume at 11 a.m. tomorrow instead of 10 a.m. as provided under Standing Order 12 (1).

Enche' Aziz bin Ishak (Muar Dalam): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That the House at its rising this day shall resume at 11 a.m. tomorrow instead of 10 a.m. as provided under Standing Order 12 (1).

MOTION

THE DEVELOPMENT ESTIMATES, 1963

Order read for resumption of consideration of the Development Estimates, 1963, in Committee of the whole House (20th December, 1962).

Enche' K. Karam Singh (Daman-sara): Mr Chairman, Sir, under the Development Estimates in regard to the Ministry of the Interior, I refer to Head 105, Sub-head 16, Fire Services.

Mr Chairman, Sir, there is one aspect of the Fire Services of our country to which more attention should be directed and that should be done urgently. The Honourable Assistant Minister who introduced these estimates

Mr Chairman: There is no provision for Fire Services in the year 1963!

Enche' K. Karam Singh: But there is provision for 1964-1965.

The Assistant Minister of the Interior (Enche' Cheah Theam Swee): You can take it up when the 1964 Development Estimates come up for debate.

Enche' K. Karam Singh: Whatever it is

Mr Chairman: I have said that money is not provided for Fire Services

under Head 105 for 1963. You can talk on some other item.

Enche' K. Karam Singh: Sir, I will go on to item 18, Film Censorship Board—Furniture and Equipment. I do not know whether I will be in order if I touch on the types of films that are allowed to be exhibited in this country.

Mr Chairman: You can speak on Furniture and Equipment in regard to the Film Censorship Board.

Enche' K. Karam Singh: I wanted your ruling, Sir.

Mr Chairman: My ruling is that you can only talk about furniture and equipment!

Enche' K. Karam Singh: In that case, I would go on to Head 110, Federal Capital of Kuala Lumpur—roads. The Government, we feel, is trying to imitate the Moguls of India and the Pharaohs of ancient Egypt by building

Mr Chairman: Item No.?

Enche' K. Karam Singh: Head 110, Sub-head 27, Sir. The Malayan Government today is trying to imitate the Moguls of India and the Pharaohs of ancient Egypt by very extravagant ventures, not in building Taj Mahals or pyramids, but in building a viaduct which passes beside the Railway Station, across and over the River in Kuala Lumpur. It has been said that the viaduct is out of date and not suited to the Federal Capital. We must realise that although—as was the case in the building of the Taj Mahal and of the pyramids of ancient Egypt—people do not die while building these structures, still a great deal of public money is being spent and that the people of this country are the poorer by that amount of money which could be more usefully spent for social and welfare purposes of the people. Sir, we know that that viaduct is being built by a very prominent firm of contractors, that is Messrs K. C. Boon and Cheah. I think, perhaps, the only people, who will benefit out of this vast sum of money being spent on this viaduct, are these contractors themselves and not so much the people. Although the Government may not feel

that money is being misspent or extravagantly wasted on such grandiose projects at the moment, in course of time this sort of ventures will lead our country into debts and we will be forced to ask for more and more loans from America and other countries to boost these “prestige” projects. Mr Chairman, Sir, in this respect we must bear in mind the case of Turkey which started building similar projects and which ended by having a crisis in that country and by getting into debt and disrepute.

The Government must remember that these projects do not of themselves give any happiness to the people and that this money would actually give happiness to the people if it was directed to the satisfaction of their needs. Mr Chairman, Sir, we feel that the Government is throwing too much money on the Federal Capital. This money should be spent in the kampongs. Perhaps the Government may feel that this money if spent in the kampongs will not attract the attention of foreign dignitaries because they do not go into the kampongs and that if it is spent in the Federal Capital, then perhaps some passing dignitary may look at it and from a temporary knowledge of it pass some praising remarks. Sir, coupling the sports stadiums that are being built with this unnecessary viaduct, which we feel is not only unnecessary but harmful expenditure of money will give the impression to the people that the Government is just interested in decorating the Federal Capital and not in giving lasting benefits to the masses in our country.

Enche' Hussein bin To' Muda Hassan (Raub): Tuan Pengerusi, saya tidak chuba hendak menegakkan benang basah, tetapi perkara yang sebenar-nya berlaku dalam kawasan saya dalam perkara Kepala 113 bahagian 1, Extension of Services to Deep Jungle Area ada berjumlah wang \$263,500. Dalam kawasan saya boleh di-katakan terlampau banyak kawasan orang Asli. Di-sini saya hendak menguchapkan tahniah kepada Pejabat Penjaga Orang Asli kerana ada 4 kawasan di-tempat saya dan Kerajaan telah berbelanja banyak dalam perkara ini ia-itu Kuala

Betau, Kuala Koyan, Cameron Highland dan Kampong Satak. Di-sini didapati telah ada di-buat sekolah, balai raya orang² Asli yang tinggal di-situ. Akan tetapi dukachita sedikit kerana tempat itu jauh sangat daripada bandar yang besar. Satu perkara yang mendukachitakan ia-lah berkenaan dengan membeli membelah, macham hendak membeli kain, garam dan beras dan lain² keperluan lagi maka saya berharap dan mengeshorkan kepada Kerajaan jika sa-kira-nya dapat pejabat itu mengelolakan berkenaan dengan membawa barang² keperluan orang² Asli yang dudok di-tempat² itu dengan jalan dilateh sa-bahagian orang² Asli itu bagaimana jalan hendak berniaga atau menjualkan hasil² yang mereka dapat dalam hutan. Sa-telah saya dapati ada dua tiga tempat di-sini selalu orang² Asli itu di-tipu orang, masa mereka itu membawa ikan di-pekan sari, mithalnya ikan 4 kati hendak di-jual dengan harga \$3, kemudian kata orang pembeli itu \$1 chukup-lah, jadi dalam 2 minit sahaja mereka² ini sudah kena tipu kerana pembeli itu berjual ikan itu dengan harga berlipat ganda. Ada sa-tengah puak pula yang chuba sa-bulan sa-kali mudek ka-tempat² itu membawa barang² yang tidak laku lagi di-jual di-bandar telah berjual dengan harga yang mahal. Maka orang² Asli itu tidak membayar dengan wang, tetapi di-tukar dengan telur ayam, damar dan sa-bagai-nya. Oleh sebab yang demikian saya sangat-lah berharap kepada pejabat ini hendak-lah membuat satu chara bagaimana hendak melateh orang² Asli itu berniaga supaya jangan boleh di-tipu orang lagi.

Sa-lain daripada itu saya suka hendak berchakap berkenaan dengan hal perkembangan ugama Islam kita, oleh sebab ugama Islam di-jadikan Ugama Rasmi di-negara kita ini maka patutlah perkara ini kita lancharkan terhadap orang² Asli. Manakala saya melawat di-tempat² orang² Asli, bila saya sebut berkenaan dengan hal ugama Islam mereka dengan segera-nya menjawab jangan-lah berchakap berkenaan dengan ugama Islam. Saya pun bertanya apakah fasal-nya bila berchakap fasal ugama belum tentu hujung pangkal-nya

awak sudah menolak. Kata mereka, kami takut bersunat. Oleh itu saya berharap Ahli Yang Berhormat dari Bachok boleh memberitahu kepada saya perkara bersunat itu sama ada mustahak atau tidak. Jadi, ini-lah yang saya harapkan supaya kita melancarkan satu badan supaya beramai² kita masokkan perasaan ugama Islam kepada mereka itu. Di-Cameron Highland nampak-nya ada anak² orang Asli yang sudah memelok ugama Islam dan ada juga anak² mereka itu telah masok Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Inggeris yang ada di-situ dan saya dapati otak² anak² itu boleh di-katakan sa-imbang dengan anak² kita. Satu perkara yang saya suka mengingatkan ia-itu guru² yang hendak di-hantar pergi mengajar ka-Sekolah Orang Asli hendak-lah di-beritahu supaya menaruhkan perhatian yang berat kepada murid² itu, kerana pada suatu masa saya pergi melihat di-satu tempat. Saya tanya guru itu darjah berapa-kah ini, kata-nya darjah III, saya pun chuba mengambil kapor membuat kira² chongak, soalnya sangat mudah ia-itu $\frac{1}{2}$ champor $\frac{1}{2}$ berapa? Mereka itu tidak dapat menjawab. Jadi, kata guru itu $\frac{1}{2}$ dan $\frac{1}{4}$ belum di-ajar lagi. Oleh itu saya harap-lah Pejabat Pelajaran masa hendak menghantar guru² mengajar ka-sana hendak-lah di-hantar guru² yang sa-benar² hendak mengajar.

Jadi, lain tidak ada apa² yang hendak saya chakapkan lagi hanya saya harap Kementerian ini mengambil perhatian yang berat macham mana hendak melateh orang² Asli yang dudok jauh daripada bandar itu dalam lapangan perniagaan, dengan ini tidak-lah lagi di-tipu oleh orang² lain.

Tuan Haji Azahari bin Haji Ibrahim (Kubang Pasu Barat): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap chuma atas dua perkara sahaja yang hendak saya bentangkan dalam Dewan ini ia-itu berhubung dengan Kepala 107, Printing, Sub-head 8—Expansion for Printing in National Language. Dalam hal ini, saya dapati banyak lagi borang yang digunakan oleh Jabatan² Kerajaan yang belum lagi di-tukar borang² itu ka-dalam bahasa kebangsaan. Jadi saya harap supaya perkara ini patut-lah Kerajaan memberi pertimbangan yang

lebih baik lagi supaya borang² yang patut di-gunakan dalam tiap² pejabat itu di-tukarkan dari bahasa Inggeris ka-bahasa kebangsaan.

Satu perkara lagi berkenaan dengan borang itu juga, saya dapati banyak borang² ini di-gunakan oleh pihak² yang tidak bertanggung-jawab, seperti petition writer yang telah menggunakan pegawai Kerajaan dengan chara mereka itu mengatakan yang borang ini dikenakan bayaran, kadang² orang² kampung yang pergi ka-situ ta' kuasa hendak berulang alek, terpaksa-lah kena bayar satu ringgit, atau lima kupang, yang konon-nya borang ini dibeli daripada pegawai Kerajaan dan baharu-lah boleh dapat. Jadi, dalam hal menchetak borang² yang di-keluarkan oleh pejabat Kerajaan itu, saya harap perkataan "di-beri perchuma" atau "tidak kena bayaran" itu patut-lah di-chap, atau pun di-letakkan pada satu tempat yang kosong di-borang itu supaya dengan ini dapat kita elakkan dari perbuatan yang tidak bertanggung-jawab oleh petition writer yang telah membuat nama burok pada pejabat yang mengeluarkan borang² ini. Pada masa sekarang, saya tidak nampak ada satu borang yang sa-macam ini, tetapi kalau ada pun, patut-lah di-adakan pada semua borang² itu dengan perkataan "perchuma" atau sa-bagai-nya, dan jika sa-kira-nya borang² itu sudah habis maka patut-lah di-adakan lagi.

Head 112—City Council, George Town, Penang, Sub-head 13—Flood Alleviation. Saya nampak peruntukan City Council, George Town, Penang, ini bukan-lah perchuma, tetapi boleh jadi dengan pinjaman di-bayar balek. Saya belum tahu sa-takat mana Kerajaan telah menetapkan syarat² terhadap City Council, George Town itu, walau pun City Council, George Town, atau pun mana² City Council yang memberi pinjaman wang untuk membena, atau pun membuat pembangunan seperti yang di-katakan dalam Sub-head 13—Flood Alleviation. Jika sa-kira-nya kita tidak letakkan satu peratoran, atau syarat yang ketat kapada City Council, George Town, Penang, dalam melaksanakan tugas mereka bagi menghapuskan ayer bah, tentu-lah ada rungutan²

dari orang² kampung yang selalu mengalami ayer bah ini, terutama sekali di-Counter Hall yang mana pada masa ini ayer bah maseh menjadi² di-tempat itu, dan biasa-nya di-tempat itu selalu memakan nyawa manakala mereka itu tenggelam di-sungai Counter Hall. Jadi kalau di-pandang pada peruntukan yang sa-banyak \$100,000 untok di-gunakan pada Flood Alleviation, maka saya harap pada masa hadapan, jikalau hendak di-gunakan pada City Council itu, patut-lah di-adakan satu syarat yang tegas, atau pun di-buat pemereksaan sa-mula, adakah di-beri pinjaman kapada City Council ini, kalau dengan tujuan dan faedah pada mula² dalam hendak meminjam wang dari wang Federal itu hendak-lah di-kenakan syarat² yang ketat. Oleh itu, saya harap perkara ini mendapat penjelasan, sama ada wang yang di-gunakan itu ada juga di-untokkan, kalau hendak menghapuskan ayer bah yang di-jalan Counter Hall atau pun di-kawasan Town Hall itu.

Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani (Pasir Mas Hulu): Tuan Pengerusi, Head 105—Minister of Interior, Sub-head 17—Recreation Facilities in Kuala Lumpur area. Oleh kerana Kuala Lumpur ini menjadi Ibu Kota Tanah Melayu, dan walau pun perjalanan pentadbiran-nya di-jalankan oleh Kuala Lumpur Municipality, tetapi patut-lah kita bersama² memikirkan sa-suatu untok faedah bagi orang ramai dalam Kuala Lumpur ini. Walau pun telah banyak Ahli² Yang Berhormat telah berchakap pada tahun yang lepas dalam soal ini ia-itu recreation facilities, tetapi maseh juga kita dapati token vote \$10 yang menunjukkan tempat-nya belum di-dapati lagi. Saya berasa hairan, kerana telah tiga tahun ada token vote ini, maka maseh lagi kita tidak dapati tempat hendak mengadakan recreation ini, bahkan memadai-lah dengan satu tempat yang sederhana dan recreation ini bukan hanya satu tempat sahaja, tetapi kalau dapat di-adakan dua tiga tempat supaya dapat meliputi kehendak² orang ramai di-Kuala Lumpur ini, kerana di-Kuala Lumpur ini telah bertambah banyak bilangan manusia, sedangkan kita hanya mempunyai Taman Bunga

yang pada masa sekarang ini dipandang kechil kalau di-bandingkan ramai-nya penduduk² di-Kuala Lumpur ini.

Tuan Pengerusi, Kuala Lumpur ini udara-nya panas, penoh sesak dengan manusia, manusia berlari ka-sana sini untuk menchari kehidupan, dan penduduk² ini pula hendakkan kelapangan dan kerihatan apabila telah habis waktu menchari kehidupan mereka. Sunggoh sedap udara di-Lake Garden, Kuala Lumpur, yang boleh menyegarkan jiwa kita, yang boleh melapangkan dada kita, tetapi tidak semua penduduk² di-Kuala Lumpur ini yang dapat pergi ka-sana, kerana kebanyakan orang² kaya, taukeh² dan sa-bagai-nya, juga saperti kita—Ahli² Yang Berhormat yang ada mempunyai kereta, dengan senang boleh pergi bersiar² ka-sana, tetapi kalau kita memandang kepada orang² kampung, mithal-nya orang² yang datang dari Dato Kramat, Gombak ia-itu orang² Melayu yang miskin dan susah, hendak pergi ka-sana terpaksa menyewa kereta empat lima ringgit dengan membawa anak² isteri mereka untuk bersiar, tetapi kalau di-adakan recreation ini, umpama-nya di-adakan di-Dato Kramat, di-hujung Ipoh Road di-mana di-situ ada lombong yang sangat chantek dan dengan yang demikian dapat di-adakan Taman Bunga dan tempat permainan, maka dapat-lah kita bersiar² ka-sana bagi menghirup atau menyedut udara dan melapangkan dada bagi penduduk² Kuala Lumpur ini. Tuan Pengerusi, saya dudok di-Dato Kramat sementara waktu meshuarat. Penduduk dalam Dato Kramat itu ramai. Di-situ ada lombong yang boleh di-jadikan kolam yang indah, dan kalau tempat itu di-jadikan recreation tentu-lah chantek dan bertuah kepada penduduk² di-situ. Saya harap dapat di-adakan recreation di-tempat yang saya sebutkan tadi sa-chepat mungkin untuk memberi kelapangan dan kemudahan kepada penduduk di-bandar Kuala Lumpur ini. Saya harap apabila kita mengkaji Development Estimates tahun hadapan tidak ada lagi Token Vote \$10 itu.

Sekarang saya hendak berchakap berkenaan dengan Low Cost Housing

di-dalam Sub-head 4. Tuan Pengerusi, saya suka hendak mendapat tahu ia-itu peruntokan \$8,500,000 bagi tahun hadapan ini ada-kah wang itu termasuk belanja mendirikan rumah murah di-bandar Kota Bharu? Kerana pehak Kementerian telah pun berjanji hendak mendirikan rumah murah di-Kota Bharu, dan pehak Kerajaan Negeri telah pun menyediakan segala kehendak Kementerian, umpama-nya, tapak rumah² itu dan Jawatan-Kuasa khas. Saya harap pehak Kementerian dapat melaksanakan ranchangan itu pada tahun 1963.

Tuan Pengerusi, sa-bagaimana yang kita sedia ma'alum bandar Kota Bharu pada hari ini ada-lah satu bandar yang chantek di-Pantai Timor. Pelawat² dari Pantai Barat telah membanjiri bandar Kota Bharu itu maka bandar itu telah penoh sesak. Kadang² orang yang dudok di-Kota Bharu yang tidak mempunyai rumah menyewa rumah dengan sewa yang tinggi. Maka kalau sa-kira-nya pehak Kementerian dapat melaksanakan ranchangan ini pada tahun 1963 sa-bagaimana yang di-janjikan kepada Kerajaan Negeri tentu akan memberi faedah yang besar kepada penduduk² Kota Bharu.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, yang saya hendak tanya ia-lah bila-kah Kementerian ini hendak membuat ranchangan perumahan ini di-kampung² pula? Kerana, Tuan Pengerusi, penduduk² di-kampung pada hari ini telah bertambah², dan di-dapati telah menjadi satu masaalah (problem) kepada orang kampung yang hendak mendirikan rumah, sebab harga-nya mahal. Kalau ranchangan Low Cost Housing dapat di-jalankan di-kampung² harus memberi faedah yang besar kepada orang² kampung.

Sa-lain daripada itu berkenaan dengan Wholesale Market saperti yang tersebut dalam Sub-head 25. Tuan Pengerusi, saya suka menarek perhatian Kementerian supaya mengeshorkan kepada Federal Capital of Kuala Lumpur mendirikan sa-buah market di-Dato Kramat, kerana penduduk² di-sana telah bertambah dan mereka itu susah berulang-alek ka-bandar Kuala Lumpur hendak membeli

keperluan mereka itu. Saya harap Kementerian akan menimbangkan perkara ini.

Akhir-nya, berkenaan dengan Roads sa-bagaimana yang tersebut dalam Sub-head 27. Tuan Pengerusi, Dato Kramat itu kampung orang Melayu. Saya dapati semenjak saya duduk di-sana layanan tidak di-beri sa-bagaimana yang di-beri di-Petaling Jaya. Jalan raya di-Dato Kramat itu berlubang², dan kalau kita lari chepat sedikit, spring kereta kita harus patah. Saya harap pihak Kementerian mengambil perhatian berat tentang jalan Dato Kramat itu. Saya berasa mushkil, kerana pihak yang bertanggung-jawab tidak mengambil perhatian kepada penduduk² Dato Kramat itu pada hal mereka itu orang Melayu. Masjid-nya kecil. Kalau hendak sembahyang terpaksa sembahyang di-atas padang. Oleh itu saya harap kepada Kementerian ia-itu kalau perhatian yang lebeh di-beri kepada Petaling Jaya, maka bagitu juga-lah hendak-nya di-Kampung Dato Kramat.

Enche' Aziz bin Ishak (Muar Dalam): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap berkenaan dengan Federal Capital Kuala Lumpur. Semenjak bandar Kuala Lumpur ini di-tukarkan taraf-nya menjadi Ibu Kota Persekutuan Tanah Melayu, maka saya berasa tersangat-lah kagum melihat perubahan² yang dari sa-hari ka-sahari sa-makin lama sa-makin besar, sa-makin lama sa-makin indah serta terator bangunan² besar dan penchakarlangit banyak di-dirikan, dan dengan ini saya penoh perchaya dalam masa yang singkat mungkin keadaan bandar ini akan di-tukarkan taraf-nya menjadi sa-buah Bandar Raya yang terbesar di-Tenggara Asia ini.

Ada satu dua perkara yang saya suka menarek perhatian Dewan ini atau pun bertanya kepada pihak yang berkenaan sama ada perkara yang saya kemukakan ini telah pun ada dalam rancangan Majlis Perbandaran Kuala Lumpur ini. Sejak tiga tahun saya menghadhiri persidangan Dewan Ra'ayat di-Kuala Lumpur ini saya tersangat tertarek hati atas dua perkara tentang kedudukan dan keadaan

peniaga² kecil orang Melayu di-dalam bandar ini. Yang Pertama, keadaan Pasar Makan orang Melayu yang berniaga di-tanah lapang di-Jalan Tuanku Abdul Rahman (Batu Road) yang lebeh di-kenali oleh rakan saya "open air" sa-hingga pada masa ini keadaan itu tidak-lah berubah². Saya kasehan melihatkan peniaga Melayu di-tempat itu, kerana pada waktu petang mereka terpaksa mengangkat pondok ka-tanah lapang yang pada waktu siang-nya tempat letak kereta dan pada tengah malam peniaga² itu menyimpan balek pondok-nya itu.

Jadi melihat kapada keadaan ini pada pendapat saya sangat-lah menyusahkan orang² ini dan keadaan tempat pun tidak-lah terator. Pada fikiran saya sa-kira-nya hendak di-perbaiki keadaan ini dan hendak mensesuaikan tempat yang laris kapada penjaja² Melayu ini kira-nya tempat ini juga di-fikirkan patut tidak-lah mahu diubah di-tempat² yang lain maka sangat-lah molek bagi pihak yang berkenaan memikirkan bagi membuat stall² berjalan yang boleh di-aleh²kan dengan satu rupa yang molek dan terator. Bagi pihak peniaga² Melayu ini rasa saya bolehlah membayar dengan chara beransor².

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, yang menarek perhatian saya ia-lah berkenaan dengan keadaan pasar minggu di-Kampung Baharu yang termashhor itu. Saya suka mendapat tahu ada-kah pihak yang berkenaan berchadang hendak mengubah keadaan pasar minggu ini dengan bangunan² yang baharu yang sesuai dengan keadaan pada masa ini. Yang menarek perhatian sangat pada saya, di-dalam harus orang ramai di-pasar minggu pada malam² minggu, Tuan Pengerusi, ia-lah berkenaan dengan apa yang di-katakan orang jambatan sempit atau jambatan gesel yang menjadi kesukaan kapada orang² khas-nya pemuda² di-tempat itu. Saya fikir sangat-lah patut pihak yang berkenaan membesarkan jambatan itu ia-itu di-buat dua buah jambatan pergi dan balek. Pemuda² sangat-lah suka lalu di-jambatan ini kerana menjadi kesukaan kapada mereka kerana berempit² dan ada kala-nya mereka

ka-pasar ini hanya hendak melalui jambatan itu sahaja dan kadang² mereka lalu berpuluh² kali. Ini akan menyusahkan orang² lain yang benar² hendak membeli membelah di-pasar minggu itu. Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, saya harap dapat jawapan daripada pihak yang berkenaan, adakah perkara ini akan dapat di-perhatikan atau pun saya berharap mendapat perhatian yang berat daripada pihak yang berkenaan.

Enche' Liu Yoong Peng (Rawang): Mr Chairman, Sir, I wish to speak in regard to Head 108, item 13, Agricultural Scheme for Henry Gurney School. Here there is only a token sum of \$10 provided for 1963, and the Assistant Minister has explained that it is because we could not secure a suitable site for this Agricultural Scheme. I think, Sir, this is most regrettable, because we know that the boys in the Henry Gurney School are juvenile delinquents under training for reform; and so one of the main objectives of the reform should be to facilitate them with some training so that when they come out they can be of use to the society. If they are equipped with technical skill, they can find a way of living. Especially in the case of those who come from rural areas, when they go back to the kampongs or rural areas, they may have to resort to the agricultural field to earn their livelihood. Therefore if they cannot feel secure, if they do not know how to find their living when they go back to kampongs from this School, then it may be difficult to reform them and to make them feel that they are useful citizens of the country and that they will be able to accept responsibilities in their lives.

Enche' Cheah Theam Swee: Mr Chairman, I would like to ask the Honourable Member what he is talking about now?

Mr Chairman: (To Enche' Liu Yoong Peng) Will you explain to the Assistant Minister?

Enche' Liu Yoong Peng: I have been explaining to him all this time and I wonder why he, as a lawyer, does not understand all these matters.

Mr Chairman: (To Enche' Cheah Theam Swee) He is talking about the Henry Gurney School!

Enche' Liu Yoong Peng: I suppose the Assistant Minister as a lawyer is not concerned with the welfare but concerned with only legal matters!

Enche' Cheah Theam Swee: I have been trying to find out what he is talking about. I cannot understand him, Sir!

Enche' Liu Yoong Peng: I regret very much that he cannot understand. Obviously it requires some training on thinking in regard to welfare aspects.

Enche' Cheah Theam Swee: I cannot understand what he is trying to say, Sir!

Enche' Liu Yoong Peng: Sir, I am trying to explain to him as best I can. I am speaking in regard to item 13 under Head 108 which concerns the Agricultural Scheme for Henry Gurney School. I suppose one of the objects of this school is to train the boys there in doing some agricultural work so that they will be able to do this work when they come out of the school. Unless you have such training for them, the school may not be able to do the reforms successfully. This is a psychological matter or a psychiatric matter which the Assistant Minister, as a lawyer, may not know about. I do not venture to say too much on that.

I now turn to Head 109, item 4, Low Cost Housing, for which a loan expenditure of \$8,500,000 is provided. This is a big sum, and I think a certain amount of this money should be provided for some of the schemes in Kuala Lumpur or near Kuala Lumpur. There is a problem created in respect of this low cost housing. At present the buildings built under this scheme in Kuala Lumpur are of many storey high and people live there like living in pigeon holes. Those people who were formally living in squatter areas were able to make use of their spare time by rearing poultry and by planting fruits and vegetables. That was a subsidy for them in their livelihood.

But, now, when they are shifted to these "pigeon holes", they no longer enjoy such facilities. Therefore, if the Assistant Minister can, in conjunction with the State Government, find some pieces of land where it can not only build low cost houses but also it can provide enough space for people to rear poultry and to do a little bit of planting of vegetables and fruits, it will help the squatterers a great deal and also these squatterers will be most willing to move into those houses. In fact, some of them would even be prepared to forego earning their livelihood by being hawkers and by being odd-job labourers, in order to go to a place where they can have low-cost houses as well as they will be able to do some agricultural work. So, I hope the Assistant Minister will consider this aspect of the problem.

Now coming to Head 110, Sub-head 27, Roads, we know that the roads in Kuala Lumpur are most unsatisfactory and the traffic problem is horrible. Some people coming from Singapore even claim that Singapore's road traffic problem is now not as serious as that of Kuala Lumpur. The Government is now in the process of building a viaduct leading from Victory Avenue to Birch Road. As my Honourable friend from Damansara has pointed out, this project is clearly out of date. I suppose this scheme must have been thought up at a time when the Government did not have the idea of building an international airport in Batu Tiga, and also using the Federal Highway to link up Port Swettenham and Kuala Lumpur. Otherwise I see no reason why such a viaduct should be built now when the Federal Highway from Port Swettenham to Kuala Lumpur coming out from the Klang Road junction would now be met by a by-pass to the viaduct. That would certainly cause inconvenience, because the Federal Highway would then become only a by-pass—not the main highway. Also this viaduct is leading from Victory Avenue to Birch Road, and if you look further up, where is Birch Road leading to? It may be reaching to the Chinese cemetery which is on the way to the airport and if that airport

is not going to be the international airport, what is the use of building this big road to that place which in the future may be of importance only as a cemetery ground. If one is to suggest that the viaduct may eventually take people passing Birch Road into the Pudu area and therefore Cheras Road and thus connecting the traffic from the South to Kuala Lumpur, then I would say that is a mistake because people going to the North would have to make use of the Circular Road in order to avoid the traffic. Now if we are going to lead them to Victory Avenue, which eventually leads to Pudu Road, that will cost even heavier traffic congestion. Therefore, I don't see how this viaduct is going to solve the traffic problem of Kuala Lumpur.

Enche' Abdul Samad bin Osman (Sungai Patani): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap berkenaan dengan perkara Head 108 ia-itu Sub-head 15 Married Warders' Quarters, Sungai Patani, peruntukan sa-banyak \$24,000 pada tahun 1963. Saya menguchapkan terima kaseh kapada Kementerian ini yang telah menguntokkan sa-banyak \$24,000 pada tahun 1963 dan tahun yang sudah yang berjumlah semua-nya tiga puluh sembilan ribu ringgit untuk mengelolakan kursus bagi wada², tetapi, Tuan Pengerusi, bila saya tengok semua perkara quarters, saya dapati peruntukan Sungai Patani nampak kechil sa-kali, jadi saya patut marah-lah kapada Kementerian ini, kerana di-beri-nya Sungai Patani sadikit sangat, akan tetapi manakala saya memandang sa-mula sadikit wang peruntukan-nya, berma'ana kurang wada dan bila kurang wada berma'ana kurang orang salah dan bila kurang orang salah berma'ana orang Sungai Patani semua-nya baik belaka (*Ketawa*). Oleh itu saya pun ta' jadi marah-lah!

Sa-lain daripada itu, saya juga berharap pada tahun 1963 wada² yang dudok di-rumah² burok itu dapat pula dudok di-rumah² baharu. Berkenaan dengan perkara Head 108 Sub-head 13 ia-itu Agriculture Scheme for Henry Gurney School, saya tidak hendak berchakap macham Ahli Yang Berhormat dari Rawang tadi, chuma yang saya hendak chakapkan ia-itu per-

untokan sa-banyak \$10 token tahun 1963—jumlah-nya \$430,500—dan pada tahun 1961 \$11,768 telah di-luluskan, akan tetapi pada tahun 1962 ini tidak ada langsung dan tahun 1963 token vote sahaja. Saya dengar Yang Berhormat Menteri ada berchakap dalam perkara ini dan saya kurang dengar, oleh itu saya minta penjelasan kepada Kementerian ini ia-itu kenapa-kah perkara itu di-berhentikan dan what type of scheme, and can you give me an idea of the schemes that is envisaged for the school?

Satu perkara lagi Head 109 Sub-head 4, Low Cost Housing, yang ada peruntokan sa-banyak lapan juta sa-tengah ringgit. Saya perchaya bahawa peruntokan ini patut di-beri kepada Negeri² dan bandar² yang hendak menjalankan rumah murah. Saya hendak berchakap, oleh sebab di-negeri Kedah tidak ada lagi Low Cost Housing yang hendak di-buat. Saya perchaya Kementerian ini telah menchari tanah untuk membuat rumah² murah itu, tetapi oleh sebab tidak ada tanah Kerajaan di-negeri Kedah, maka rumah² murah itu belum dapat di-buat lagi. Kalau kita hendak beli tanah tentu-lah mahal dan saya minta kepada Kementerian ini supaya menguntokkan satu peruntokan untuk membeli tanah sahaja dan pemberian tanah untuk membeli tanah itu tidak-lah di-kutip balek daripada orang yang chuma membayar balek harga rumah sahaja, maka dengan jalan ini dapat-lah pegawai² Kerajaan di-Sungai Patani dan Kulim itu memileki rumah yang di-buat atas tanah Kerajaan.

Saya harap-lah kepada Kementerian ini memberi pertimbangan untuk memberi pertolongan dalam perkara perumahan ini.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Pengerusi, saya suka hendak berchakap pada Head 109—Housing, Sub-head 4—Low Cost Housing. Saya meminta supaya satu peratoran dapat di-adakan berkenaan dengan hal membuat rumah murah ini. Pada masa ini, dasar bagi rumah² murah ini ia-lah di-beri kepada bandar² sahaja, jadi saya berbesar hati,

kalau dapat di-timbangkan satu dasar bagi memberi kepada penduduk² kampung baharu yang di-luar kawasan luar bandar, umpama-nya kawasan Kemayan, Mengkuang, Mengkarak di-mana di-tempat² ini semenjak beberapa tahun yang sudah, orang² yang dudok di-situ bertambah dari satu masa ka-satu masa. Pada masa ini dasar Kerajaan Negeri tidak dapat dengan chepat mengadakan rumah murah di-tanah yang ada dalam kawasan itu, sebab hendak di-adakan satu peranchangan khas. Jadi, kalau kita hendak menantikan Town Planning ini, dan memandangkan Town Planning dalam negeri kita ini, kalau hendak di-adakan sa-suatu itu akan mengambil masa yang berpuluh² tahun baharu sampai kepada tempat² itu. Kalau sa-kira-nya dapat di-adakan satu peluang bagi rumah² murah ini sampai ka-tempat itu, maka boleh-lah di-adakan satu bahagian yang ta' payah di-tunggu² oleh orang² yang di-luar dari kawasan bandaran. Saya dapati orang² China yang dudok beramai² dalam sa-sabuah rumah itu telah merayu kepada saya, kalau dapat di-timbangkan rumah² murah ini yang ranchangan-nya di-sampaikan kepada tempat² mereka itu, dan begitu juga, patut rasa saya sa-lain daripada kampung baharu ini atau sa-bagai-nya, dapat kita chuba membuat ranchangan rumah² murah ini di-luar bandar ia-itu di-luar kampung² baharu, saperti di-kampung² yang sesak yang tidak ada lagi tempat bagi orang² miskin yang ta' ada upaya hendak membuat rumah² yang sa-suai pada masa sekarang ini, dan rasa saya jikalau di-buat di-kawasan luar bandar, ini akan menjadi satu chontoh yang baik dan akan terpedaya bagi orang² kampung itu mengikut dari segi keshihatan dan kaelokan mereka itu.

Tuan Pengerusi, Ranchangan Rumah Murah yang sedang di-ranchangkan ini, rasa saya sudah masok tahun yang ketiga. Di-kawasan Bentong—kawasan Melayu kampung baharu dan kawasan China, saya harap ranchangan ini dapat di-segerakan. Pada masa dahulu, saya telah berunding dengan Menteri Muda berhubong dengan hal ini, tetapi mushkil-nya, tanah itu, saya dapat tahu daripada

jurutera sana telah siap dan di-ratakan, tetapi nampak-nya perkara ini belum lagi di-adakan. Oleh itu, saya harap perkara ini dapat di-segerakan bagi ranchangan yang telah di-sediakan itu.

Head 113—Aborigines, Sub-head 1 dan 2 ia-itu penduduk² bagi orang² asli kita, dan juga wang untuk memandu mereka dalam perusahaan kecil. Dalam kawasan saya—saya ta' tahu-lah dalam kawasan lain—belum lagi dapat di-adakan satu chara yang hendak memimpin bagi orang² asli kita bagi mengadakan perusahaan² kecil, umpama-nya membuat bakul yang mana mereka dengan senang mendapat barang² atau perkakas² itu di-dalam hutan. Ini rasa saya, satu usaha yang elok supaya dapat orang² asli itu berkumpul dan suka berkampong. Jikalau kita tidak menggalakkan dalam perusahaan² kecil ini, saya fikir tentulah susah bagi mereka² untuk mendapat pencharian hidup, di-sebabkan kepinchangan hidup hari² keluar merayau² dalam hutan untuk menchari kehidupan mereka.

Di-kawasan saya ada dua kawasan yang besar ia-itu Fort Iskandar dan Bukit Rok, satu kawasan yang besar yang ada orang² asli itu, tetapi saya tidak nampak ada satu kawasan yang di-usahakan oleh mereka itu bagi membuat pekerjaan tangan, seperti tikar atau pun rotan, atau pun membuat tongkat daripada kayu yang chantek² dan sa-bagai-nya yang akan memberi faedah untuk melebihikan sara hidup mereka². Jadi, saya harap di-atas dua perkara ini akan dapat di-beri galakan kepada mereka. Yang pertama, dapat di-kumpulkan orang² asli kampong itu dan yang kedua, kesulitan mereka² pada tiap² hari akan dapat di-legakan. Saya harap dua² perkara ini akan mendapat pertimbangan dari Kerajaan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri telah menyebutkan bahawa didalam soal perlanchongan ini bukan sahaja tempat² ini menjadi soal, tetapi orang² dan alat² Kerajaan juga menjadi soal. Saya suka supaya di-wujudkan co-ordination di-antara Kementerian² di-dalam hal perlanchongan ini yang tadi telah pun di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tentang memberi tahu pegawai² di-Pengkalan Kapal Terbang, kapal dan sa-bagai-nya, dan pejabat passport tentu-lah di-senangkan kemudahan dan juga pejabat keretapi, hotel², tetapi yang saya hendak beri tahu ini ia-lah perkara yang saya sudah beri tahu dua tahun dahulu; mujor-lah Menteri-nya tidak ada di-sini ia-itu sa-barang tempat yang ada kemungkinan ia-itu yang menjadi unsur keindahan didalam negeri ini jangan-lah di-kachau oleh Kementerian lain. Ahli Yang Berhormat dari Ipoh tidak ada di-sini—mujor Menteri ini daripada Taiping—dan waktu dia hendak ka-Taiping dia lalu Ipoh. Kita lihat kepada kechanteakan gunung² kecil yang di-tepi jalan Ipoh nyata-lah itu satu pandangan yang boleh membawa orang² tertarek kepada kechanteakan yang ada di-Persekutuan Tanah Melayu. Tetapi entah Kementerian apa pun saya tidak tahu yang bersangkutan dengan memecahkan batu itu, tidak-lah dia endahkan-nya apa yang kita minta dalam Dewan ini supaya di-pelihara kechanteakan itu, maka terburu²-lah dia memecah batu gunung² yang ada di-tepi jalan itu, padahal Persekutuan Tanah Melayu ini maseh ada mempunyai tempat² yang boleh di-gunakan bagi maksud memecah batu² itu yang agak jauh sedikit, tetapi tidak mengurangkan kechanteakan. Tuan Pengerusi, di-sa-buah negeri yang maju di-dalam soal tourism ia-itu negeri Masir yang saya

sebutkan, semua tempat perlanchongan ini di-daftarkan dan tidak dibenarkan di-usek oleh sa-siapa pun dan jika Kementerian ini dapat berbuat demikian, saya rasa kemajuan perlanchongan di-dalam negeri ini yang akan di-besarkan lebih dari sekali ganda. Tuan Pengerusi, bukan sahaja benda, tetapi Yang Berhormat Menteri ini telah menegaskan demikian, saya boleh-lah berkata bahawa orang² yang datang ka-negeri kita ini tidak-lah menengok benda² yang ada di-negeri dia sendiri. Dia tidak akan terpesona oleh bangunan yang 13 tingkat; dia ada 68 tingkat. Jadi, saya rasa, chara hidup, kesenian dan kebudayaan lama yang boleh di-per-tunjukkan—bukan bangunan² tetapi di-dalam kehidupan ra'ayat ini ada-lah menarek orang² melanchong ka-dalam negeri ini. Di-Kelantan, Tuan Pengerusi, hal ini boleh terdapat, boleh terdapat chara hidup yang lama yang belum di-tinjau di-kampung² oleh kehidupan² yang valuation—yang di-buat. Tuan Pengerusi, saya perchaya jika dapat di-bantu kemajuan gerakan memperelokkan kesenian di-kampung² di-negeri Kelantan, boleh-lah mereka yang datang ka-Tanah Melayu ini di-beri tahu bahawa ada benda yang tidak ada di-tempat lain boleh di-tunjukkan di-Tanah Melayu ini. Tuan Pengerusi, bila saya sebutkan chara hidup dan kehidupan yang seperti ini tidak-lah saya maksudkan membawa wanita² menari di-padang kapal terbang seperti yang telah di-buat dahulu; entah oleh siapa di-dalam negeri ini, konon untuk meniru wanita Hawaii dengan Aloha mereka itu. Tetapi yang saya maksudkan biar-lah orang² yang datang ka-negeri ini dapat bermalam dan dudok melihat bagaimana gaya chara orang² dalam negeri ini di-dalam kebudayaan, kesenian-nya, hidup-nya, suka-ria dan menghiborkan hati.

Tuan Pengerusi, satu daripada perkara yang hendak saya sebutkan lagi di-sini ia-lah berkenaan Rural Electrification. Saya nampak di-sa-tengah² tempat membekalkan letrik telah dilakukan, tetapi selalu-nya di-tempat itu di-lalui oleh wayar besar bagi kuasa letrik itu sendiri; umpama-nya di-negeri Kelantan, di-kampung² yang di-

lalui oleh C.E.B. daripada Machang ka-Kota Bharu maka kampung² ini dapat letrik. Perkhidmatan sambil lalu ini patut-lah di-gantikan dengan perkhidmatan sengaja. Maksud saya ada tempat seperti di-Bachok dan kawasan dekat²-nya boleh di-beri perkhidmatan Rural Electrification supaya bertambah apa yang di-katakan kechanteakan tempat itu dan dengan demikian tidak-lah kita mengkhaskan oleh kerana wayar lalu ikut di-situ maka kita berikan perkhidmatan. Tuan Pengerusi, saya tidak mahu memberikan chadangan supaya Menteri ini menjadikan Bachok itu sebagai tempat perlanchongan, bukan kerana apa, kerana supaya sesuai dengan chadangan saya tadi di-adakan survey dan di-buat valuation tidak semata² sa-tahun sa-kali di-lapangkan telinga untuk di-dengar fikiran² dari Ahli² Yang Berhormat sahaja, sebab itu menunjukkan bahawa tidak ada satu planning di-buat di-daerah ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin tahu berkenaan dengan Industrial Estate. Menurut apa yang di-beritahu oleh Yang Berhormat Menteri bahawa hanya ada beberapa Negeri yang telah meminta bantuan untuk memajukan industrial di-tempat²-nya dan tidak-lah agak saya tujuan industrial ini sebagaimana yang di-katakan oleh Yang Berhormat itu membuat factory, tetapi ia-lah memberikan tanah dan peralatan yang menasabah membantu supaya tertarek-lah pehak² industrial yang pergi menjalankan industrial di-tempat² itu. Saya ingin tahu apa-kah syarat² yang di-kenakan oleh Kementerian ini untuk memberikan bantuan² pinjaman kepada Industrial Estate itu? Sebab sa-kiranya dapat di-ma'alumkan chadangan bagi mengadakan industrial bagi Kota Bharu boleh-lah menjadikan satu reality bagi masa yang dekat itu, dan saya berharap jangan-lah memandang kerana PAS yang meminta itu maka permintaan itu tidak di-luluskan.

Enche' T. Mahima Singh (Port Dickson): Mr Chairman, Sir, I speak on Head 121, sub-head 8, Industrial Productivity Centre. This centre during the very short time of its existence has shown great improvement. I and some others had the pleasure of visiting this centre

when certificates were given out to the trainees some time ago and, being shown round, we realised how much good this centre can do to industry in the country. We were given a practical demonstration and figures of the time and cost of production in the various fields of industry. I am all for this and I would like this to be expanded. However, I would like to see this expansion carried out not only at Petaling Jaya but I would also like to see this Centre setting up branches around the Federation in other main towns like Penang, Ipoh and Seremban, or at places where industries are likely to be developed—for example, Cameron Highlands or Port Dickson. Port Dickson is a place with a great future. It is a sea-side resort, it has a railway and it is connected with roads to Kuala Lumpur and Malacca, and I do hope and suggest that Port Dickson and other towns would be suitable for having branches of this Centre. The Government should make a survey of the various towns, and as one previous speaker has suggested it should not put all our eggs into one basket at Petaling Jaya alone. I would recommend this to the Minister concerned.

Speaking on sub-head 10, Tourism—I have spoken on this before—I would like to support the Member for Bachok for once. He said that more study and more experts would be required. We have not even started to attract tourists yet. We have not even prepared the ground and instead of learning by trial and error a really good start would be much better so that the tourists who come would carry away a good impression of our country. In this respect, I was disappointed to hear certain remarks from my Honourable friend from Seremban Timor about the Member for Jelebu-Jempol when he said that he had his brains in the wrong place. I think the Member concerned himself was looking for the brains in the wrong place (*Laughter*).

Enche' Abdul Razak bin Hussin (Lipis): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap atas Kementerian ini berkenaan dengan perlancongan. Saya suka hendak mengemukakan satu chadangan dalam masaalah perlan-

chongan ini ia-itu kita harus mengkaji dasar perlancongan dalam negeri ini, kerana saya katakan begitu dalam gambar² yang ada di-jual di-pejabat² perlancongan itu ada-lah merupakan satu kesenian dan juga menggambar-kan keadaan hidup kita yang mana ada gambar² rumah Melayu bertiang buloh, rumah² di-dalam paya dan sawah padi. Dengan gambar² itu meng-gambarkan ke'adaan orang² kita Mela-yu di-dalam Tanah Melayu ini. Di-sini saya suka hendak menyatakan sedikit kepada Dewan ini ia-itu Yang Berhor-mat Menteri² kita sudah pergi melawat ka-Amerika dan orang² Amerika sa-tengah-nya tidak tahukan keadaan di-Tanah Melayu ini dan mereka itu maseh menyangkakan bahawa orang² kita di-Malaya ini dudok di-atas pokok kayu. Oleh itu saya harap-lah kepada Kementerian ini akan menjadi satu alat untuk menghindarkan ke-burokan daripada sangkaan orang² itu terhadap Tanah Melayu ini, kalau kita tidak mengkaji balek perkara ini maka dosa² dan kesalahan itu akan tertimpa ka-atas kita kelak. Saya suka hendak mengingatkan Kementerian ini supaya masaalah ini harus dapat di-kaji sa-mula dengan menunjokkan gambar² yang lojik yang betul², tidak sama sa-kali berlawanan dengan kehendak² alam kerana saya takut daripada gambar² itu mengistilahkan satu tafsiran yang lain daripada yang sa-benar-nya.

Sa-lain daripada itu suka juga saya menyambung berkenaan dengan tempat pelancong itu dan tidak-lah pula saya berisi hati kerana Yang Berhormat Menteri menguntokkan satu peruntok-an yang lesen di-kawasan sahabat saya di-Dungun itu. Tetapi apa-lah salah-nya bahawa tempat² pelancong itu dapat di-jadikan tempat pelancong yang betul². Tuan Pengerusi, saya bawa pandangan kepada Templer Park yang mana tidak berapa jauh daripada Kuala Lumpur ini, boleh di-katakan pada tiap² minggu banyak pelan-chong² dari luar negeri datang ka-situ. Tetapi apa-lah yang boleh kita megahkan, chuma sa-kali² kita dengar ada harimau keluar konon-nya, jadi kalau kita adakan scheme bagi mem-buat betul² sa-buah tempat pelan-chongan—umpama di-Taman Negara,

di-tempat² yang betul menarek, yang di-kuasai oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar maka dapat-lah di-jadikan satu tempat pelanchong yang baik sa-kali. Tuan Pengerusi, bukan hendak membanggakan tempat saya, tetapi boleh-lah saya katakan di-situ ada-lah satu tempat yang indah samula jadi-nya yang mana di-dapati ikan yang banyak, di-dapati juga binatang² liar yang banyak, kelihatan jeram² yang menchuram yang menggambarkan keindahan alam sa-mula jadi. Kalau tempat² yang bagini kita jadikan tempat perlanchnon maka tentu-lah akan menarek hati orang² di-luar negeri datang melihat-nya. Saya takut, Tuan Pengerusi, kalau pelanchong² yang pergi di-tempat nelayan² dan di-lihat-nya nelayan² itu membawa pukat², maka mereka menyangkakan bahawa itu-lah chara kehidupan orang² di-Tanah Melayu. Dalam pada itu saya mengalu²kan Kementerian ini kerana telah meng-untokkan berpuluh² juta ringgit, walau pun begitu saya merayu-lah dan mengshorkan supaya ranchangan ini di-kaji sa-mula supaya tidak-lah mengakibatkan kapada keburokan kelak sa-lain daripada itu saya berbangkit dalam masalah api letrik di-kampung² di-dalam Sub-Head 11.

Saya sedar dan saya ucapkan terima kaseh di-atas tujuan baik tentang api letrik di-kawasan² luar bandar, tetapi mengikut lazim-nya di-mana api letrik itu di-beri, sa-panjang yang saya faham di-kawasan² luar bandar yang ada itu ia-lah kebanyakan-nya di-kampung² baharu. Saya tidak merasa iri hati, tetapi kalau sa-kira-nya dapat bekalan api letrik ini menyambong ka-kampung² luar bandar, maka dengan sendiri-nya kawasan² luar bandar—bukan sahaja kampung baharu—dapat bekalan api letrik ini. Tetapi yang pelek-nya, Tuan Pengerusi, di-tempat saya ada dua tempat kampung baharu, satu bernama Jerekoh New Village dan satu lagi bernama Benta New Village. Di-Jerekoh ada bekalan api, tetapi di-Benta ta' ada bekalan api. Pekan Benta ini ada-lah lebeh besar daripada pekan Jerekoh—tetapi ta' mengapa-lah, hanya saya mengshorkan supaya jentera per-bekalan api ini di-besarkan dan dengan

yang demikian dapat-lah di-sambong kedua²-nya sa-kali, dan begitu juga kalau dapat di-sambong ka-kampung² yang berhampiran dengan-nya.

Tuan Pengerusi, kadang² kita ketawa, kadang² kita duka, tetapi kita berasa insaf juga, dan jika sa-kira-nya Yang Berhormat Menteri ini bersetuju dengan chadangan saya itu, maka saya ucapkan berbanyak terima kaseh, sebab sa-lain daripada kehendak² orang ramai berhubung dengan masaalah api dan sa-bagai-nya, kita juga dapat membuktikan bahawa kita ini bekerja untuk faedah ra'ayat seluroh-nya. Jadi ini-lah yang saya suka hendak menarek perhatian Yang Berhormat Menteri sa-kali pun jawapan yang hendak di-berikan itu nanti tidak sa-suai dengan fikiran saya ini—itu apa boleh buat, jadi saya harap permintaan yang saya ucapkan tadi itu akan mendapat pertimbangan dan di-kaji sa-mula pembekalan api di-kawasan luar bandar itu.

Enche' Abdul Samad bin Osman:

Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap berkenaan dengan Head 121, Sub-head 1—Rubber Replanting Scheme—peruntokan wang sa-banyak \$20,700,000. Tadi telah banyak Ahli² Yang Berhormat berchakap dalam perkara ini, chuma apa yang saya hendak chakapkan ia-lah perkara yang bersangkutan dengan beneh dalam scheme ini. Saya tumpukan perchakapan saya ini pada scheme yang di-bayar oleh Fund B ia-itu kapada pekebun² kechil. Sa-tahu saya, semua pekebun² kechil yang mendapat bantuan dari Fund B ini di-beri oleh Pejabat Replanting dengan anak² getah yang di-panggil clonal seed ia-itu di-ambil daripada biji, kemudian di-semaikan, dan apabila biji semaian itu chukup sa-tahun maka di-chabut, di-potong, kemudian baharu-lah di-tanam. Jadi, bukan-lah daripada pokok² getah yang di-toreh. Saya bila teringat clonal seed ini, saya berasa sedikit keraguan—saya takut, barangkali sa-tengah² biji itu kurang elok. Jadi, kalau-lah biji itu kurang elok, tentu-lah pokok itu ta' dapat di-toreh, dan hasil-nya tentu-lah akan kurang. Tiga empat tahun dahulu, saya tengok rubber stump ini di-beri kapada kon-terekter. Saya dapat khabar² angin yang mengatakan sa-tengah² konterekter

itu ada main kayu tiga—ma'ana-nya dia konterek pada Kerajaan, kemudian dia pergi semai kan tanaman itu dan benih² itu di-champorkan, kemudian di-jual pula dengan black market—yang ta' baik itu di-jual kepada orang ramai, tetapi sekarang ini Alhamdullillah yang Kerajaan ta' beri konterek itu lagi kepada orang² luar, dan Kerajaan sendiri telah mengadakan kebun² saperti yang ada di-Temerloh pada masa sekarang ini untuk membiakkan anak² getah bagi memberi kepada pekebun² kecil dari Fund B ini. Sunggoh pun begitu, Tuan Pengerusi, saya ada dengar juga daripada kawan² saya orang² Eropah yang ada mempunyai estate² di-negeri ini dan yang telah membina bungalow perkaranya ini. Apa yang saya hendak chapkan ini ia-lah berkenaan dengan benih jenis mustard dan budded rubber. Ini banyak juga yang di-katakan ada kelulusan yang baik. Saya beri satu mithal ia-itu di-Perang Besar Estate, Kajang, ada satu biji bernama group garden seed yang telah di-jual dengan harga 25 sen satu biji. Saya dapat tahu di-negeri Perak banyak pekebun² orang putih membeli benih ini dengan harga 25 sen satu biji. Saya telah bertanya kepada mereka, kata-nya benih ini bagus, kadang² baik dan lebih baik daripada rubber seed. Kalau sa-kiranya kita tanam biji ini dan di-bandingkan dengan tanaman clonal seed, boleh jadi kita akan untung sa-tahun lebih dahulu, dan benih-nya pun bagus, serta pokok-nya boleh tahan lama, oleh sebab getah yang di-tanam itu biji-nya ada. Jadi, banyak-lah pekebun² ini suka menggunakan benih ini. Oleh itu, saya suka hendak menarek perhatian Yang Berhormat Menteri ini, ada-kah perkara ini benar; kalau benar, barangkali lebih baik-lah kita berikan kepada orang² kampung dari Fund B ini dengan benih clonal seed, sunggoh pun harga-nya 25 sen, tetapi yang kita berikan sekarang ini harga-nya 20 sen, dengan kerana 5 sen lebih dan kalau betul cerita-nya itu, maka lebih baik-lah kita ambil segala benih² yang saperti itu. Getah, benih yang ada sekarang ini, tiap² sa-tahun di-gunakan dengan benih T.J. I. Pada fahaman saya, T.J. I ini ada tempat² yang bagus dan ada juga tempat² yang kurang bagus. Saya

minta dan saya harap-lah kepada Yang Berhormat Menteri ini, oleh sebab Rubber Research Institute dudok dibawah Kementerian ini, maka saya harap supaya Kementerian ini dapat menyasiat dengan pegawai² atau pakar² dari Rubber Research Institute ini sabagaimana yang di-ketahui, ada-lah clonal seed yang baik sa-kali pada masa sekarang ini yang di-beri kepada pekebun² kecil dari Fund B ini.

Perkara yang kedua, saya hendak berchakap atas Sub-Head 7—Industrial Estates. Dalam persidangan Jawatan Kuasa yang lepas, saya telah berchakap berkenaan dengan industry ini. Saya kata, bukan sahaja patut bagi Kerajaan ini diversify-kan industry kita, tetapi juga membanyakkan industry² kita, terutama sa-kali Kerajaan patut-lah merebak²kan dari satu tempat ka-satempat. Hal ini, sabagaimana yang kita dapat tahu tadi, banyak wang yang di-untukkan ia-lah sa-banyak lebih kurang 6 juta ringgit, chuma dua tiga tempat sahaja yang telah meminta untuk di-berikan bantuan ini, saperti Tasek Industrial Site, Ipoh. Oleh sebab itu, saya minta-lah kepada Kementerian ini, oleh kerana ta' ada Negeri² yang meminta bantuan saperti itu, dan saya perchaya Yang Berhormat Menteri ini bersetuju dengan apa yang saya katakan ini ia-itu merebak²kan dari satu tempat ka-satu tempat, maka patut-lah kita bermuafakat dengan Kerajaan² Negeri supaya bertanya kepada Kerajaan² Negeri itu, ada-kah di-kehendaki Industrial Estate, dan jikalau ada, tolong-lah beritahu kepada Kementerian ini dimana tempat yang di-kehendaki itu supaya Kementerian ini boleh menimbang-nya, dan patut-lah Kementerian ini memberitahu, dengan kerjasama mereka itu bahawa perkara yang sa-macam ini ada-lah baik, jikalau kita merebak²kan atau meluas²kan dari satu tempat ka-satu tempat kepada industry yang ada, saperti kata Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson: "Don't put all eggs into one basket." Jadi, saperti kata Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson itu—saya bukan-lah hendak mengatakan kempen ini bagus, tetapi di-Sungei Patani, dan juga di-Kulim, boleh membuat Industrial Estate ini. Kami boleh buat dan

kami boleh ambil bahagian bersama dengan tempat itu.

Ketiga, saya hendak berchakap ia-lah berkenaan dengan Sub-head 10—Tourism. Saya ta' mahu berchakap panjang dalam perkara pelanchong ini, kerana perkara ini saya sudah berchakap sedikit hari dahulu, dan wakil kaum ibu nampak-nya telah membangkang saya. Jadi, dalam hal ini, saya ta' mahu-lah berchakap lagi, chuma saya hendak berchakap ini ia-lah bahawa saya bersetuju dengan chadangan Ahli Yang Berhormat wakil dari Bachok ia-itu bagi maksud perlancongan ini, saya bersetuju dengan chadangan-nya itu ia-itu patut-lah di-hantar pakar² yang datang ka-Tanah Melayu ini untuk membuat perlaksanaan tentang mana tempat yang patut kita buat untuk perlancongan di-negeri ini, sebab dalam negeri Kedah ada banyak tempat² yang bagus, terutama sa-kali di-Pulau Langkawi ia-itu satu tempat yang chukup baik sa-kira-nya Kerajaan Siam memotong Genting Kra (Kra Canal) untuk membuat terusan saperti Suez Canal, maka saya perchaya Pulau Langkawi yang dekat itu, barangkali bukan sahaja akan menjadi satu pelabuhan yang bagus, tetapi juga akan menjadi satu tempat pelanchong yang endah bagi orang² yang singgah di-situ. Sa-lain daripada itu ada satu tempat lagi di-dalam negeri Kedah ia-itu Pantai Merdeka yang mana letak-nya di-dalam kawasan Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama. Pantai ini ada-lah pantai yang elok sa-kali untuk di-buat tempat perlancongan. Yang sa-benar-nya, Pantai Merdeka ini ada jawatan-kuasa yang mana saya sa-orang ahli jawatan-kuasa-nya, tetapi sampai hari ini kami tidak tahu apa hendak buat untuk menggalakkan perlancongan, sebab Pegawai Perlancongan daripada Kementerian tidak datang kasana untuk berunding tentang hal ini.

Yang keempat, berkenaan dengan Rural Electrification. Saya ada-lah menyokong pendapat Yang Berhormat dari Kubang Pasu Barat. Saya dapati bekalan letrik di-kampong² itu sa-tengah²-nya di-kelolakan oleh C.E.B. dan sa-tengah-nya oleh kampeni².

Tempat² yang di-kelolakan oleh kampeni² tidak dapat memberi layanan yang chukup kepada penduduk di-situ. Jadi sa-bagaimana kata Yang Berhormat dari Kubang Pasu Barat, letrik itu ada daripada pukul 6 petang hingga 6 pagi dan waktu siang hari tidak ada, dan harga-nya mahal. Oleh itu, saya suka mengshorkan ia-itu C.E.B. patut-lah mengelolakan tentang letrik ini termasuk di-dalam kawasan luar bandar. Kalau C.E.B. mengelolakan dia dapat memberi letrik siang dan malam dan harga-nya pun kurang daripada harga yang di-kenakan oleh kampeni² itu.

Sekarang saya hendak berchakap berkenaan dengan Acquisition of Huttenbachs. Bagi tahun 1961-1965 di-untukkan sa-banyak \$5,000,000. Untuk tahun 1961, 1962 tidak ada, dan untuk tahun 1963 pun tidak ada chuma di-buboh token vote \$10.00. Sa-tahu saya Huttenbachs yang mula² sa-kali memberi letrik dalam Persekutuan Tanah Melayu ini. Di-tempat saya sa-hingga sekarang ini letrik di-beri oleh Huttenbachs. Saya daripada kechil sampai sekarang ini yang saya tahu Huttenbachs-lah yang memberi letrik. Jadi sa-telah berpuluh tahun berjalan saya dapati Huttenbachs ini tidak ada kemajuan. Sekarang ini chuma dapat memberi letrik lebeh kurang sa-luas (radius) 1½ batu. Apabila di-minta lebeh daripada itu mereka tidak dapat adakan. Saya mengshorkan supaya Kerajaan mengambil-nya dengan chepat dan di-serahkan kepada C.E.B. Saya perchaya kalau C.E.B. mengelolakan-nya, C.E.B. bukan sahaja dapat memberi letrik di-dalam kawasan itu tetapi juga di-dalam kampong². Di-Sungai Patani letrik dapat di-adakan dalam kawasan Town Council sahaja. Ada-kah patut bagitu? Jadi kalau C.E.B. mengelolakan-nya tentu-lah di-kawasan lain juga dapat. Mereka itu takut hendak menambah modal-nya sebab Kerajaan berura² hendak mengambil-nya. Oleh itu, saya suka mengshorkan pada Kerajaan patut-lah "take over" Huttenbachs ini, bukan semua tempat, tetapi ambil-lah sa-tengah² dahulu.

Dr Lim Swee Aun: Mr Chairman, Sir, many Honourable Members have

touched on several items in the Development Estimates in respect of my Ministry, and I will try to regroup them and answer the points raised. Great interest has been shown on tourism and I am very glad that this House is conscious of and supports that tourism should be enlarged, because it is one of our new industries. There was a suggestion that a survey of all tourist centres should be made. For the information of the House, I would say that we already made a survey. In fact, we had a United Nations expert attached to our tourist section for the last one year and he did the survey. We have now come to the House today to ask for money to build hotels and bungalows at Dungun. With experience, if we do find that we still require expert assistance, my Ministry will no doubt look for more experts.

There were points raised that there should be some form of priority as to whether or not which centre or which beautiful spot should be preserved, or which historical site should be preserved. I hope Honourable Members will realise that there is already a law which allows the preservation of historical monuments and historical sites, so that they will not be destroyed and they will be preserved.

As regards the question of the preservation of local beauty spots and tourist centres, one must not forget that it is ultimately at the district level that money is being spent by the tourist, whether he is local or whether he is foreign. So, in view of that we, the Federal Government, would expect the State Governments and local authorities to play their part in developing these local beauty spots and tourist attractions.

Of course, we would like to see more and more foreign tourists travelling right through the country for the simple reason that the tourists from abroad would like to see the culture of the country and the way of life. Unless there are facilities, particularly good hotels, in these beautiful but rural areas, it would hardly be fair for us to ask them to

visit such areas like Bachok or Kuala Trengganu. That is why it is hoped that, through the local efforts in building up local tourism and the increase of the traffic of local tourism, local enterprise would put up new hotels. When these first-class hotels are available, then more and more foreign visitors will be attracted to such places—I mean that it might be very interesting to see turtles laying eggs in the East Coast, but if you have no hotels how do you expect the foreigners to sleep on the beach from eleven o'clock at night to four o'clock in the morning. That is the proposition. Of course, where we find that it is impossible for several reasons, local reasons, that hotels and other facilities are not available, then the Government and the Ministry will step in to try and find whatever funds it can to develop that site. But, generally speaking, these tourists sites should be the responsibility of the local authorities or the State Government.

The other subject that has been touched on in great detail is the problem of rural electrification. The Government would certainly like to electrify the whole of Malaya if it has the money. But if it does not have that money, then it must go by stages. Each District has its own Executive Rural Development Committee and puts its own priorities as to which Local Council area should have priority for rural electrification and, as Honourable Members know, these priorities from Districts are being considered by the States and then finally by the Federal Government. It is on that last level that we find the money to electrify in the different villages, but it is obvious that it would be cheaper to electrify the villages closeby or on the route of the main electrical lines. However, to give the other villages an opportunity to have electricity, although they are far away from these main lines like Bachok, for example, if there is sufficient demand, if there are sufficient houses which require such supplies, they can always put in a bid for a local power station under diesel power, but it has to be economical and the Local Councils would

obviously have to bear the cost. However, in such cases, being a private proposition, they would want to make sure that they can break even; hence in quite a number of Local Councils, there is only twelve hours of electricity supply and not twenty-four hours. If, however, the Local Councils feel that they would prefer twenty-four hour supply, then they could consult the local lessee or the contractor who supplies the electricity, to find out if it is economic for him to supply electricity for twenty-four hours. If it is, I am sure, he will only be too happy to do so.

There is a misunderstanding in regard to this question of loans to industrial estates. One Honourable Member has suggested that the money, instead of being used to assist the development of industrial estates, should be lent to State Governments, so that they can help open up small industries. That is not the purpose of this sub-head here. This sub-head here is meant purely for loans to State Governments or the Municipalities to develop industrial sites, not loans to companies to start industries.

There were, of course, the same old bids that industries should go to each Member's constituency—I remember, when I was a back-bencher, I said the same thing that I must have industries in my home-town—but I hope Honourable Members will realise that at this present stage the Government does not direct industries. The Government allows industries to choose where they think it is best for them to develop. On the other hand, the Government also encourages Local Authorities to start develop industrial sites in their areas; hence the loan is made available to them. It is true that through local efforts and through local attraction of industrialists, new industries are started; and although the Honourable Members for Ipoh and Menglembu are Members of the Opposition, I think we should congratulate them in that, through their efforts, by going abroad to Hong Kong, they are attracting industrialists from Hong Kong to industrialise in Tasek—an industrial estate in their area.

The Honourable Member for Seremban Timor has complained that the Government is not taking any active measures to direct industries to his own home-town. I am rather surprised that being the Mayor of the Seremban Town Council, he should have known that there is this loan available for development of industrial estates; and possibly the reason why Seremban has not attracted any industry, is, perhaps, because the Honourable Member for Seremban Timor has been sitting on his brains.

The Honourable Member for Rawang has given us a long dissertation on how we should sell our rubber, and no doubt his main aim is to commit this Government and the rubber industry to a permanent, or shall we say, a long term complete dependence on the buying of rubber by East European countries. We do not hold that view. We believe in selling to the highest bidder and in a free market.

The Honourable Member for Rawang has complained that under the Institute of Industrial Technology, we have only asked for \$10 and he queries as to when we are going to start this research. Being a responsible Government, we will not rush things blindly, because we have to study the financial implications. Once we know what they are, then we will come back to this House and ask the necessary money to start the Institute of Industrial Technology.

The Honourable Member for Rawang has also been harping on his good old subject in regard to the industrial bonds which, he thinks, should be sold to the public so that Government can then, with that money, take a direct part in the industrialisation of this country. Now, we believe that the best method of industrialisation in this country is by encouraging private enterprise. The private sector should play its part in industrialisation and we think we can get it faster and with better results. However, as I have always told him in this House, the Government does go direct into industry if and when necessary, the classical example being the supply of electrical energy through the C.E.B.

The other point which the Honourable Member has complained about is the topsyturvy method of the Alliance in industrialisation planning. He believes that we should go from the bottom upwards, not from the top downwards. He feels that if we must have industries, we must gear our capital to the rural areas—his famous one is tapioca, and I suppose he enjoys eating tapioca all right. He says that by growing more tapioca, we might start an industry to produce alcohol and then go upwards. That is, as I have said, in theory a good thing, but let us in turn put it round the other way. After growing all the tapioca, then you start the factory to produce alcohol. What happens to this alcohol and who is going to buy it? Is the Honourable Member going to drink it, or are we going to label it as the “Socialist Front Brandy” or something like that? There must be a market and a demand for it, otherwise there will be no outlet. That is why we put it the other way round. We would take for example the paper industry. We now allow pioneer status for people to manufacture containers made of paper and pulp. These containers are made for the use of containing other pioneer products in this country. Now that we do not produce paper,—we import the paper—after having set up a factory in this country there would be a demand for paper. So we go down the scale and it would not be very long when we shall be producing paper in this country. If it had been the other way, as suggested by the Socialist Front that we must start from the bottom up, then if we start producing paper who is going to buy all the paper? Before we have a factory we must create a market for it. Following his argument then we must gear our industries to agriculture. It would mean that we would for ever be an agricultural country, because it takes time to industrialise.

There was one suggestion from the Honourable Member for Port Dickson, that is, the Productivity Centre should have branches all over the country. I wish to thank him for the very nice remarks he has made about the good work of the productivity centre, but I

can assure him that it would not be practicable at this stage to have branches of the productivity centre throughout the country. But we are running courses open to all people who are interested in industry all over the country. They can come over and take part in these courses. Later on perhaps with increased staff we might be able to conduct productivity courses in other industrial towns.

The Honourable Member for Alor Star wants to know what we are going to do with all this money to re-condition the rice mills, godowns and equipment. The money is spent in the following manner—

(i) Rehabilitation of godowns, mill buildings, roads, fencing, drains, drying yards and machinery for the Government Rice Mill at Bagan Serai	\$2,243,100
(ii) Rehabilitation of godowns, buildings, fencing and roads for the Government Rice Mill at Parit Buntar	417,200
(iii) Rehabilitation of godowns, buildings, fencing, roads and drains for the Government Rice Mill at Telok Anson	156,000
(iv) A new godown for the Government Rice Mill at Arau	108,000
(v) A new rice godown in Malacca	750,000
Total	\$3,674,300

As I have said, we have already received \$1.45 million in the earlier part of this year under supplementary budget and I am now asking for the balance.

Lastly I wish to thank the Honourable Member for Pontian Selatan for the great appreciation she has for the National Pineapple Cannery that will be built in Pekan Nanas.

Question put, and agreed to.

The sum of \$51,569,840 for Head 121 agreed to stand part of the Development Estimates, 1963.

Head 120—

The Minister of Finance (Enche' Tan Siew Sin): Mr Chairman, Sir, the only sub-head appearing in the Development Estimates, 1963, which relates directly to the Treasury is that at Head

120 in respect of the Department of Customs and Excise. The sub-head in question, namely, Sub-head 7, provides for the sum of \$1,602,179. It will be noted that the bulk of the funds provided under this sub-head is for the construction of quarters for Customs staff stationed at Butterworth, Kuala Lumpur, Port Swettenham, Rompin and Singapore. Except for the construction of an office and quarters at Rompin these are all continuation projects. Honourable Members will probably agree with me that it is necessary for the efficient performance of their duties that Customs officers, particularly those in the subordinate grades, should be provided with institutional quarters.

As regards the construction of an office and quarters at Rompin at item (vi) of the sub-head, Honourable Members will recall that the same amount of money was previously provided in the 1962 Development Estimates for this purpose, but owing to the delay in obtaining a suitable site and subsequently with the setting in of the monsoon in the East Coast it has not been possible to commence work on the project this year. I should also mention that the establishment of a new Customs station at Rompin is essential in order to facilitate collection of export duty on iron ore produced by mines in that area and despatched from Rompin.

Mr Chairman: If there are no Honourable Members wishing to speak, I shall put the question.

Enche' Lim Joo Kong: Mr Chairman, Sir, after hearing the Honourable Minister of Finance presenting the estimates to this House it is regretted that nothing is provided for Alor

Star or the whole State of Kedah. Sir, Kedah forms the northern boundary of our country. It has a coast line of over 50 miles and overland border of nearly 100 miles with Thailand. So with due respect to our Customs officers, in whom I have every confidence and who are carrying out their duties most vigorously in collecting revenues and customs duties, it is a known fact that a lot of smuggling has been going on in many commodities such as rice and the so-called black rice into our country. The reason for this is quite simple. We have a very long coastal line as well as overland border with Thailand and also our Malayan dollar is equivalent to seven bachts in Thailand. So this encourages smuggling. I hope we would put more Customs officers and men in Kedah.

Enche' Tan Siew Sin: The point made by the Honourable Member will be borne in mind, Sir.

Question put, and agreed to.

The sum of \$1,602,170 for Head 120 agreed to stand part of the Development Estimates, 1963.

Mr Chairman: Order, order! The time is now 6.30 and the House resumes.

House resumed.

Mr (Deputy) Speaker: Honourable Members, I have to report that the Committee on the Development Estimates, 1963, has progressed up to Head 121. The Committee on the Development Estimates, 1963, will resume tomorrow. The sitting is suspended to 11 a.m. tomorrow.

Adjourned at 6.30 p.m.